

04 DEC 1999

Sanusi-Reaksi

SANUSI DIMINTA TARIK BALIK KEPUTUSAN TAK MAHU LAGI JADI MB

ALOR SETAR, 4 Dis (Bernama) -- Tan Sri Sanusi Junid diminta menarik balik keputusannya untuk tidak lagi menjadi Menteri Besar Kedah kerana khidmatnya masih diperlukan.

Naib pengerusi MCA Kedah Datuk Beh Heng Seong berkata Sanusi telah membuktikan kewibawaannya sebagai seorang pemimpin dan pengundurannya itu adalah satu kehilangan kepada Kedah.

"Kita rasa sayang kerana kehilangan seorang ahli politik yang berpengalaman. Apapun saya amat sangat berharap beliau menarik balik keputusannya," kata Beh mengulas pengumuman Sanusi hari ini untuk tidak lagi menjadi Menteri Besar kerana merasa bertanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional pada pilihan raya lepas apabila ia memenangi 24 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan hanya tujuh daripada 15 kerusi Parlimen.

Pengerusi MIC Kedah V.Saravanan pula terlalu sedih sehingga tidak mampu membuat sebarang ulasan manakala pengerusi Gerakan Kedah Datuk Fong Chok Gin berkata parti itu menerima hakikat itu dan menghormati keputusan Sanusi dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau adalah seorang pemimpin yang berwawasan dan kita berharap beliau dapat meneruskan perkhidmatan sebagai ADUN Kuah dan terus menyumbangkan khidmat untuk pembangunan negeri," katanya.

Beliau berkata prestasi buruk BN itu tidak harus dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Sanusi.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor pula berkata Kedah mengalami satu kehilangan kerana Sanusi adalah pemimpin berkebolehan dan berwibawa.

"Beliau mempunyai banyak idea tetapi peringkat pelaksanaan agak lemah kerana tidak disokong pemimpin yang lain," katanya.

Anggota Exco Kerajaan negeri yang paling kanan, Datuk Syed Razak Syed Zain pula enggan memberi sebarang ulasan.

"Buat masa ini saya tidak berani nak komen apa-apa, nanti bercanggah pula dengan kenyataan beliau," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Pengerusi Tetap Wanita Umno Tan Sri Aishah Ghani berkata semua pihak perlu menerima dan menghargai keputusan Sanusi itu walaupun ia mungkin menyedihkan.

"Saya sendiri merasa sedih kerana Tan Sri Sanusi sendiri telah lama terbabit dengan politik dan memegang pelbagai jawatan termasuk Setiausaha Agung Umno dan semua anggota Umno perlu menerima keputusan itu," katanya ketika dihubungi.

-- BERNAMA

RZS MAI